

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR



PELAN STRATEGIK 2015-2020 (Vol. 6)



Pelan Startegik Jabatan Kehakiman Syariah Selangor ini berdasarkan pada semakan semula dan kajian semula bertarikh pada 26 & 27 November 2019.

TERAS 1

- MEMANTAPKAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN SYARIAH KE ARAH MENDAULATKAN SYARIAT ISLAM

TERAS 2

- MEMPERTINGKATKAN TADBIR URUS KE ARAH KECEMERLANGAN ORGANISASI SEJAJAR DENGAN ETIKA PERKHIDMATAN AWAM

TERAS 3

- MEMPERKASAKAN KEUPAYAAN DAN KAPASITI WARGA JABATAN BAGI MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN ORGANISASI

TERAS 4

- MENINGKATKAN IMEJ JABATAN DAN KEFAHAMAN MASYARAKAT TERHADAP PERUNDANGAN SYARIAH BAGI MENCAPI MATLAMAT KEUNGGULAN ORGANISASI

Strategi

Pada tahun 2020, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor akan menjadi—



“Syariah Asas Keadilan”

Strategi dan Pelan Tindakan Jabatan

TERAS 1: MEMANTAPKAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN SYARIAH KE ARAH MENDAULATKAN SYARIAT ISLAM

Objektif strategik pertama mengandungi sembilan (9) strategi iaitu “Penyelesaian Kes-Kes Tertangguh, Mempercepatkan Penyelesaian Kes Mal, Memperkasakan Perkhidmatan Kaunter, Pemerkasaan Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Selangor Melalui Kolaborasi Bersama Dengan Jabatan, Agensi Dan NGO Yang Melaksanakan Dan Menguatkuasakan Undang-Undang Syariah, Pemerkasaan Penyelesaian Kes Secara Alternatif, Pemerkasaan Proses Penguatkuasaan Dan Pelaksanaan Perintah, Pengemaskinian Undang-Undang, Pelaksanaan Dan Pembudayaan Teknologi ICT Secara Maksimum Dan Meningkatkan Jaringan Kerjasama Dengan Pihak-Pihak Berkepentingan.”.

Sebagai sebuah institusi kehakiman Syariah yang wujud di sebuah Negeri maju yang mempunyai jumlah penduduk Islam yang ramai, status pelanggan yang memiliki tahap pendidikan dan latar belakang sosio ekonomi yang secara majoritinya bermula dari kelas pertengahan dan atas dan pelanggan yang datang daripada berbagai-bagai latar belakang budaya, keturunan dan kewarganegaraan, JAKESS berhadapan dengan cabaran yang sangat besar dan getir untuk memastikan keadilan dapat ditegakkan selaras dengan undang-undang dan hukum Syarak tanpa timbulnya perasaan rasa tidak berpuas hati di kalangan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan.

Sehubungan dengan itu, adalah penting bagi JAKESS untuk benar-benar menjadi sebuah jabatan yang memiliki sistem pentadbiran kehakiman dan perundangan Syariah yang benar-benar mantap, fokus, teratur, berdaya saing, terkini dan berinovasi.

STRATEGIK DAN PELAN TINDAKAN

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
1.	Penyelesaian kes-kes <i>Mal</i> tertanggung	1.2 Menetapkan KPI bagi menyelesaikan kes-kes mal tertanggung yang telah difailkan melebihi 2 tahun	<p>1.90% penyelesaian kes kes-kes mal tertanggung yang telah difailkan melebihi 2 tahun di Mahkamah Rendah Syariah.</p> <p>1. 80% penyelesaian kes kes-kes mal tertanggung yang telah difailkan melebihi 2 tahun di Mahkamah Tinggi Syariah.</p>	<p>1. 90% penyelesaian kes kes-kes mal tertanggung yang telah difailkan melebihi 2 tahun di Mahkamah Rendah Syariah yang Berjaya diselesaikan.</p> <p>2. 80% penyelesaian kes kes-kes mal tertanggung yang telah difailkan melebihi 2 tahun di Mahkamah Tinggi Syariah yang Berjaya diselesaikan.</p>	<p>1. Pelanggan berpuashati dengan tempoh penyelesaian kes.</p> <p>2. Peningkatan peratusan kepuasan pelanggan</p> <p>3. Tiada lagi teguran daripada stake holder berkaitan isu kelewatan kes</p>	Setiap Tahun

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
2.	Mempercepatkan penyelesaian kes Mal yang difailkan kurang 2 tahun		1. Peratusan penyelesaian kes 2. Menghasilkan satu SOP proses perceraian	100% Penyelesaian kes cerai seksyen 47 <i>Fast track</i> dalam tempoh 6 jam dari masa difailkan	1. Pelanggan berpuashati dengan tempoh penyelesaian kes. 2. Peningkatan peratusan kepuasan pelanggan 3. Tiada lagi teguran daripada stake holder berkaitan isu kelewatan kes	2015-2020
		2.1 Menyenaraikan kes-kes mal belum selesai yang telah difailkan kurang 2 tahun	Peratus kes-kes mal yang belum selesai yang difailkan kurang 2 tahun bagi setiap Mahkamah	Peratus kes mal yang belum selesai yang difailkan kurang 2 tahun bagi 12 Mahkamah Rendah dan 5 Dewan Mahkamah Tinggi Syariah	Memudahkan pemantauan terhadap kes-kes mal yang belum selesai yang difailkan kurang 2 tahun	Setiap tahun
		2.2 80% penyelesaian kes kes-kes mal yang belum selesai yang			Peratusan penyelesaian kes	

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
		telah difailkan kurang 2 tahun di Mahkamah Rendah Syariah.		Kes Mal: MRS 80%		
				Kes Mal: MTS 75%		
		2.3 75% penyelesaian kes kes-kes mal yang belum selesai yang telah difailkan kurang 2 tahun di Mahkamah Tinggi Syariah.				
		2.4 90% penyelesaian kes kes-kes pembubaran perkahwinan yang telah difailkan pada 31 Disember 2017 dan ke bawah di Mahkamah Rendah Syariah.				
3.	Penyelesaian kes yang hadir bersama melalui Majlis Sulh	65% penyelesaian kes-kes mal melalui Majlis Sulh	Peratusan penyelesaian kes		1. Pelanggan berpuashati dengan tempoh penyelesaian kes. 2. Peningkatan peratusan kepuasan pelanggan 3. Tiada lagi teguran daripada stake holder	

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
					berkaitan isu kelewatan kes	
4.	Pemeriksaan perkhidmatan kaunter	1. Mewujudkan kaunter dan perkhidmatan runding cara, pentadbiran afidavit dan wakalah secara berasingan dengan kaunter pendaftaran	Bilangan lokasi Mahkamah Rendah Syariah	12 lokasi Mahkamah Rendah Syariah	Urusan kaunter yang cepat dan pantas	2016-2020
		2. Mewujudkan jawatan yang lebih kanan dan jawatan khusus bagi <i>frontliner</i> yang bertugas di kaunter	Bilangan lokasi Mahkamah Syariah	12 lokasi Mahkamah Rendah Syariah dan 1 lokasi Mahkamah Tinggi Syariah	Urusan kaunter yang cepat dan pantas	2016-2020
		3. Mewujudkan carta aliran kerja bagi urusan di kaunter untuk kemudahan pelanggan	Bilangan Carta Aliran Kerja	Menyediakan 2 carta aliran untuk: i. Mahkamah Tinggi Syariah ii. Mahkamah Rendah Syariah		2016-2017
		4. Mewujudkan manual borang bagi kes-kes di Mahkamah Rendah	Bilangan manual	10 manual	1. Mengurangkan kadar kesilapan	2016-2020

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
		Syariah pada tahun kedua pelaksanaan untuk kemudahan pelanggan mengisi borang Mahkamah			ketika mengisi borang 2. Mengurangkan pelanggan berulang alik ke kaunter bagi melengkapkan borang permohonan	
		5. Meluaskan pemakaian "Queue Management System" (QMS) di semua lokasi Mahkamah Rendah Syariah	Bilangan lokasi yang masih belum diberi kemudahan QMS	2 lokasi yang akan diberi kemudahan QMS	1. Melancarkan urusan di kaunter 2. Kepuasan hati pelanggan	2017-2018
5.	Pemeriksaan pentadbiran undang-undang Islam di Selangor melalui kolaborasi bersama dengan jabatan, agensi dan NGO yang melaksanakan dan menguatkuasakan	Menganjurkan mesyuarat penyelarasan antara JAKESS dengan Jabatan dan agensi lain (Bahagian Penguatkuasa Agama dan Bahagian Pendakwa Syarie JAIS, Polis, Penjara, Jabatan Bantuan Guaman, Pejabat Tanah dan Galian, Pejabat Daerah, Jabatan Imigresen dan lain-lain)	Bilangan Mesyuarat	3 Mesyuarat setahun	Mengurangkan isu ketidakselarasan pelaksanaan dan penguatkuasaan undang – undang syariah negeri selangor yang melibatkan agensi yang berkaitan	Bermula 2015

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
	undang-undang Syariah					
6.	Pemeriksaan proses penyelesaian kes secara alternatif	Melantik anggota Panel Hakam bagi memperkasakan proses Hakam	Jumlah pelantikan anggota panel hakam	60 orang anggota Panel Hakam dilantik	Tiada kelewatan penyelesaian kes – kes cerai	Bermula 2015
			Jumlah penyelesaian kes dalam tempoh 6 bulan	90% kes-kes cerai yang dirujuk kepada hakam diselesaikan bermula tempoh daripada pelantikan hakam dalam tempoh 6 bulan berdasarkan Kaedah-Kaedah Hakam Negeri Selangor.	Tiada kelewatan penyelesaian kes – kes cerai	Bermula 2015
7.	Pemeriksaan proses penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah	Mewujudkan kuasa pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah bagi Bahagian Sokongan Keluarga di dalam undang-undang	Bilangan undang-undang dipinda	1 undang-undang selesai dipinda	Peningkatan penguatkuasaan perintah nafkah dan pembayaran lain	2020

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
8.	Pengemaskinian undang-undang	8.1 Mewartakan draf Kaedah-Kaedah Sulh Mahkamah Syariah (Negeri Selangor)	Bilangan draf kaedah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah Selangor	1 draf kaedah diluluskan	Pencapaian penyelesaian kes melalui sulh meningkat	2015- 2020
			Bilangan draf kaedah dibentangkan Mesyuarat Jawatankuasa Undang-undang Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)	1 draf kaedah diluluskan		2018
			Bilangan draf kaedah dibentangkan dalam Mesyuarat MAIS	1 draf kaedah diluluskan		2019
			Bilangan kaedah yang diwartakan	1 kaedah diwartakan		2020

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
		8.2 Meneliti dan mencadangkan pindaan Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003	Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penggubalan	8 Mesyuarat diadakan	Semua proses kerja baru yang ditambahbaik melalui perekeyasaan, KFA, Inovasi dan lain-lain dapat dilaksanakan secara sah menurut undang-undang	2015-2018
		8.3 Cadangan pewujudan 2 Kaedah Tatacara Mal iaitu Kaedah Pengurusan Kes dan Kaedah Semakan Kehakiman			Cadangan – cadangan pindaan diterima oleh ahli mesyuarat	2018
			Bilangan draf pindaan undang-undang dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah Selangor	1 draf pindaan diluluskan		2018
			Bilangan draf pindaan undang-undang dibentangkan	1 draf pindaan diluluskan		2019

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
			Mesyuarat Jawatankuasa Undang-Undang MAIS			
			Bilangan draf kaedah dibentangkan dalam Mesyuarat MAIS	1 draf pindaan diluluskan		2019
			Bilangan kaedah yang diwartakan	1 pindaan undang-undang diwartakan		2020
9.	Pelaksanaan dan pembudayaan teknologi ICT secara maksimum	9.1 Melengkapkan Prasarana	Penyediaan kemudahan rangkaian komputer tanpa wayar (wireless)	Bangunan ibu pejabat -12 titik capaian Mahkamah Rendah Syariah – 2 titik capaian bagi setiap MRS		2019-2020
			Melengkapkan setiap dewan bicara dengan kemudahan	2 unit komputer dan sebuah mesin pencetak untuk setiap	1. Semua aplikasi esyariah dapat dilaksanakan sepenuhnya.	2020

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
			komputer dan mesin pencetak	dewan bicara kegunaan Pembantu Dewan dan Setiausaha Pejabat/ Pembantu Setiausaha Pejabat	2. Mempercepatkan pengesanan kepada status kes	
		9.2 Menggunakan aplikasi My SMS	3 jenis notis dikeluarkan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis Tangguhan Sulh 2. Notis Tangguhan Bicara 3. Notis Makluman Perintah Siap 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penjimatan kertas, sampul surat dan setem untuk penghantaran melalui pos 2. Pelanggan menerima notis dengan lebih cepat 	2020
		9.3 Melaksanakan Sistem e-Faraid	Peratus penggunaan	30 % penggunaan oleh Hakim	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tiada kesilapan siasatan waris 2. Mudah dan cepat 	2020
		9.4 Mengoptimumkan Modul e-Bicara	Peratusan daripada kes yang diselesaikan	40% penyelesaian kes		2017

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
			menggunakan E-Bicara	menggunakan E-Bicara		
		9.5 Mengoptimumkan penggunaan Sistem e-nafkah	Penggunaan dan pemantauan lebih cekap sistem e-Nafkah	100%		2016
		9.6 Mengoptimumkan penggunaan Sistem Pengurusan Peguam Syarie (SPPS)	Peratus pelaksanaan proses permohonan dan Peguam Syarie secara <i>paperless</i>	100%		2020
		9.7 Menguatkuasakan penggunaan portal <i>E-Syariah</i> untuk fungsi pra-pendaftaran kes mal dan kes jenayah	Peratus pendaftaran	30%		2020
		9.8 Membuat program penggantian perkakasan ICT	Peratus penggantian	25%		2020

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
10.	Meningkatkan jaringan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan	Menjalinkan hubungan kerjasama dan perkongsian pintar dengan institusi kehakiman Syariah negeri/negara lain	Bilangan perkongsian pintar yang digunakan	2 perkongsian pintar		2018-2020

TERAS 2 : MEMPERTINGKATKAN TADBIR URUS KE ARAH KECEMERLANGAN ORGANISASI SEJAJAR DENGAN ETIKA PERKHIDMATAN AWAM

Objektif strategik kedua mengandungi tiga (3) strategi iaitu “Memperkasa Dan Meningkatkan Keberkesanan Tadbir Urus Di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, Mempertingkatkan Keberkesanan Pelaksanaan Dasar Di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor dan Memantapkan Sistem Dan Prosedur Kerja.”. Salah satu daripada cabaran utama JAKESS ialah memastikan keadilan ditegakkan dengan mematuhi segala proses kerja dan undang-undang yang berkuatkuasa dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh piagam pelanggan agar pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan. Oleh yang demikian, tadbir urus yang terbaik adalah sangat penting bagi menghadapi cabaran ini dengan berkesan. Ketiga-tiga strategi ini diatur agar teras kedua ini dapat direalisasikan dan akan dilaksanakan sejajar dengan pekeliling dan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh MAMPU dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
1.	Memperkasa dan meningkatkan keberkesanan tadbir urus di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor	1.1 Meningkatkan kecekapan proses dan kawalan dalaman melalui pengukuhan pengurusan dan pelaksanaan sistem kualiti.	Peratus pencapaian analisa Prestasi Perkhidmatan melalui objektif kualiti jabatan/ bahagian dan unit	85% pencapaian prestasi keseluruhan jabatan/ bahagian dan unit	Mengekalkan pensijilan MS ISO 9001:2008	Setiap tahun
Mendapatkan pensijilan MS ISO 9001:2015			Dipersijilkan oleh SIRIM	Semua proses kerja dapat dilaksanakan secara teratur	2018	

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
			Kekerapan laporan	Laporan mesyuarat MKSP sekali setahun	sebagaimana yang didokumenkan	Setiap tahun
			Jumlah mesyuarat tindakan pembetulan NCR dan pencegahan (OFI)	Sekali setahun bagi ibu pejabat JAKESS dan lokasi Mahkamah Rendah Syariah		Setiap tahun
			Peratus tindakan terhadap ketidakpatuhan dan cadangan penambahbaikan daripada auditan Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008	80% Peratus tindakan diambil	Mengekalkan pensijilan MS ISO 9001:2008	Setiap tahun
			Peratus tindakan terhadap ketidakpatuhan dan cadangan penambahbaikan daripada auditan Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015	80% Peratus tindakan diambil	Mengekalkan pensijilan MS ISO 9001:2015	2018

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
			Peratus bilangan NCR dan OFI	Menurun sebanyak 30% setiap tahun	Mengekalkan pensijilan MS ISO 9001:2008	Setiap tahun
		1.2 Melaksanakan semua tindakan yang perlu bagi memenuhi kriteria auditan Anugerah Pengurusan Pejabat Dan Pentadbiran Cemerlang (APPC)	Status pencapaian auditan Anugerah Pengurusan Pejabat Dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) yang dilakukan pada tahun sasaran kepada 2 tahun sekali	Tersenarai dalam 15 jabatan terbaik	Pengiktirafan APPC	2015
				Mengekalkan pencapaian APPC		2016
				Mengekalkan pencapaian APPC		2017
				Mengekalkan pencapaian APPC		2018
				Mengekalkan pencapaian APPC		2019
				Mengekalkan pencapaian APPC		2020
		1.3 Memendekkan proses kerja dan mengurangkan kareh birokrasi melalui proses perekeyasaan dalam program <i>Key Focus Activity (KFA)</i>	Bilangan program perekeyasaan proses kerja	Mewujudkan 3 program perekeyasaan proses kerja setiap tahun	1. Kepuasan pelanggan/ kurangnya pertanyaan daripada pelanggan berhubung isu bidangkuasa melalui telefon	2016-2020

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
				Menganjurkan Hari Inovasi/ Mini Konvensyen	<p>2. Mengurangkan kadar kesilapan ketika mengisi borang</p> <p>3. Mengurangkan pelanggan berulang alik ke kaunter bagi melengkapkan borang permohonan</p> <p>4. Mempercepatkan penyelesaian kes</p> <p>5. Mengelakkan tangguhan kes disebabkan pihak/ saksi sakit atau hilang upaya</p>	2018-2020
				Satu penyertaan dalam Konvensyen KIK Peringkat Negeri/ Wilayah	Tempat 1-5/ Anugerah Emas Konvensyen KIK peringkat Negeri/ Wilayah	2016-2020

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
				Satu penyertaan dalam Konvensyen KIK Peringkat Kebangsaan	1.Tempat 1-5 Konvensyen KIK Peringkat Kebangsaan 2. Memperoleh penarafan 3 bintang	2020
		1.4 Melaksanakan budaya dan persekitaran kerja yang kondusif melalui amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)	Pensijilan	Pensijilan EKSA di lokasi ibu pejabat JAKESS. Mengekalkan pencapaian.	Pensijilan EKSA tahap cemerlang	2015 - 2020
				Pensijilan EKSA di lokasi Mahkamah Rendah Syariah kecuali Mahkamah Rendah Syariah Gombak dan Hulu Langat	Pensijilan EKSA	2015-2020
				Pensijilan EKSA di lokasi Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat.	Pensijilan EKSA tahap cemerlang	2016-2020

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
				Mengekalkan pencapaian.		
				Pensijilan EKSA di lokasi Mahkamah Rendah Syariah Gombak	Pensijilan EKSA tahap cemerlang	2016-2020
		1.5 Memperkasakan kumpulan rakan pembimbing perkhidmatan awam (AKRAB) melalui sesi perjumpaan seluruh kakitangan jabatan secara berkelompok	Bilangan aktiviti	3 kali setahun	Warga kerja sentiasa sihat dan bermotivasi	2015-2020
			Jumlah program promosi	4 kali setahun		
		1.6 Membuat Kajian semula piagam pelanggan untuk mencapai ciri-ciri SMART (<i>Specific, measurable, achievable, realistic, timebound</i>)	Peratus tahap kepuasan pelanggan	Peratus pencapaian Piagam Pelanggan sekurang-kurangnya 80% Hebahan di setiap lokasi Mahkamah		2020

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
			Bilangan kajian semula	1 kajian	1. Tidak berlaku kelewatan dalam proses – proses kerja utama 2. Meningkatkan peratus tahap kepuasan pelanggan	2018-2020
				Tahap kepuasan pelanggan sekurang-kurangnya 85%		2016 - 2020
2.	Mempertingkatkan keberkesanan pelaksanaan dasar di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor	2.1 Melaksanakan aktiviti penerapan dan penghayatan integriti serta nilai-nilai murni	Bilangan aktiviti	melaksanakan 3 aktiviti penerapan dan penghayatan integriti pada setiap tahun	Pengurangan kes tatatertib	2020
			Penyediaan laporan – laporan untuk dihantar kepada Unit Integriti SUK	4 kali setahun		2018-2020
		2.2 Melaksanakan tindakan penguatkuasaan tatatertib secara bersepadu	Bilangan kes tatatertib	Tidak lebih 2% kes tatatertib yang berlaku		2015-2020

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
		2.3 Melaksanakan program penerapan nilai-nilai murni	Bilangan program	<p>Tazkirah Jumaat sekurang-kurang 2 kali sebulan</p> <p>Tazkirah setiap hari Jumaat kecuali bertembung dengan program yang melibatkan warga JAKESS keseluruhannya</p> <p>Mengadakan 2 program pembersihan jiwa</p>		Setiap tahun
				3 program ceramah		Setiap tahun
		2.4 Meningkatkan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Berasaskan Indeks Akauntabiliti yang di keluarkan oleh Jabatan Audit Negara	Jumlah teguran audit	Jumlah teguran menurun pada setiap auditan	Pencapaian 5 bintang	2020

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
		2.5 Menganjurkan program-program penerangan dasar-dasar jabatan kepada seluruh warga JAKESS	Jumlah program	2 kali setahun		Bermula 2015
3.	Memantapkan sistem dan prosedur kerja	Menambahbaik Dokumen Manual Kualiti dan Prosedur Kualiti MS ISO 9001:2008 dengan pelaksanaan Versi Syariah	Jumlah Bengkel Penambahbaik Dokumen	2 Bengkel Penambahbaik Dokumen	Semua proses kerja dapat dilaksanakan secara teratur sebagaimana yang didokumentasikan	2015
			Bilangan dokumen disediakan	1 dokumen disediakan		2015
			Pensijilan MS ISO 9001:2008 Versi Syariah	Berjaya di berikan pensijilan MS ISO 9001:2008 Versi Syariah		2016
			Pensijilan MS 1900:2014 Versi Syariah	Berjaya diberi pensijilan MS 1900:2014 Versi Syariah		2018
			Pensijilan MS ISO 9001:2015	Berjaya diberi pensijilan MS ISO 9001:2015		2018

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
4.	Memperkasakan pengurusan Rekod Jabatan	Melaksanakan program pelupusan secara berjadual	Bilangan rekod yang dilupuskan	Melaksanakan pelupusan rekod 5000 fail setahun	1. Mengoptimumkan ruang simpanan 2. Kemudahkesanan fail 3. Memelihara rekod-rekod penting Jabatan secara simpanan kekal di Jabatan	Setiap tahun

TERAS 3 : MEMPERKASAKAN KEUPAYAAN DAN KAPASITI WARGA JABATAN BAGI MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN ORGANISASI

Objektif strategik ketiga mengandungi enam (6) strategi iaitu “Pengukuhan Organisasi, Pemantapan Pengurusan Sumber Manusia, Peningkatan Kompetensi Warga Jabatan, Meningkatkan Tahap Motivasi Warga Kerja Agar Sentiasa Cemerlang dan Produktif, Meningkatkan Aspek Penjagaan Kebajikan Warga Jabatan dan Jalinan Kerjasama Yang Erat Antara Seluruh Warga Jabatan dan Penyediaan Kemudahan, Prasarana Dan Ruang Kerja Yang Kondusif Dan Selamat”.

Jabatan Kehakiman Syariah Selangor akan memperkukuhkan organisasinya dengan menyediakan Kertas Cadangan Pengukuhan Organisasi kepada Kerajaan Negeri Selangor dan Jabatan Pehidmatan Awam Malaysia bagi memastikan jumlah tenaga kerja yang mencukupi dan peluang perkembangan kerjaya yang lebih luas bagi meningkatkan motivasi warga kerja. Strategi memperkukuhkan pengurusan sumber manusianya dilaksanakan dengan membangunkan Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia yang dipantau dan disemak semula pada setiap tahun bagi memastikan ia sentiasa realistik dan boleh dicapai. Strategi ini juga akan menggariskan usaha bagi meningkatkan kompetensi warga kerja melalui program pembelajaran berterusan yang terancang melalui penyediaan peruntukan kewangan yang mencukupi, penganjuran program latihan yang teratur dan mengadakan kolaborasi dengan IPTA yang kompeten untuk melaksanakan program latihan yang telah dikenalpasti.

Aspek motivasi juga diberi penekanan utama bagi memastikan kecemerlangan warga jabatan dapat dikekalkan dan seterusnya akan meningkatkan produktiviti sepanjang masa. Ia juga akan turut menekankan pembudayaan kerja yang berprestasi tinggi di samping menekankan pengurusan prestasi, pengiktirafan dan ganjaran. Strategi seterusnya menekankan aspek penjagaan kebajikan warga jabatan agar penumpuan sepenuhnya terhadap tugas dan tanggungjawab tidak terjejas dengan masalah-masalah yang tidak sepatutnya atau disebabkan oleh suasana kerja yang serba kekurangan. Selain itu, jalinan kerjasama yang mantap antara semua warga jabatan akan terus diperkasakan agar setiap tugas dapat dilaksanakan dengan lebih cepat, mudah dan sempurna. Seterusnya, penyediaan kemudahan, prasarana dan ruang kerja yang kondusif dan selamat juga akan diberi penekanan kerana ia bukan saja akan dapat melahirkan suasana kerja yang lebih aman dan selesa, malah ia juga akan memberikan imej dan gambaran yang positif kepada semua pelanggan yang datang berurusan di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor.

STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
1.	Pengukuhan organisasi	1.1 Menyediakan kertas cadangan pengukuhan organisasi yang melibatkan pertambahan jawatan baru nak menaik taraf jawatan sedia ada	Bilangan kertas cadangan	Satu kertas Cadangan disediakan	1. Meningkatkan kualiti perkhidmatan 2. Kesan daripada masalah kekurangan pegawai dan kakitangan dapat diminimumkan	2015
			Pembentangan cadangan kepada PSM SUK	1 Kertas Cadangan diluluskan	Kelulusan cadangan oleh pihak PSM SUK	2015
			Pembentangan cadangan dengan Jawatankuasa Kerja Pengurusan Organisasi JPA bagi gred 54 ke bawah	1 Kertas Cadangan diluluskan	Kelulusan waran perjawatan baru dengan pertambahan jawatan, bahagian dan peluang kenaikan pangkat	2017

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
		1.2 Memastikan pengisian gred jawatan lantikan dan gred kenaikan pangkat	Peratus pengisian	1. Peratus pengisian bagi kenaikan pangkat sebanyak 100% 2. Peratus pengisian jawatan lantikan sebanyak 90%	1. Meningkatkan motivasi untuk pekerja 2. Mengurangkan masalah kekosongan jawatan	Setiap tahun
		1.3 mengemukakan cadangan untuk perwujudan jawatan secara lantikan kontrak	Bilangan kertas cadangan	1 Kertas Cadangan diluluskan	1. Meningkatkan kualiti perkhidmatan 2. Kesan daripada masalah kekurangan pegawai dan kakitangan dapat diminimumkan	2018
2.	Pemantapan pengurusan sumber manusia	Pelaksanaan Pelan Strategik Sumber Manusia agar memberi impak yang sebenar	Peratus pelaksanaan pelan tindakan Pelan Strategik Sumber Manusia	80% pelaksanaan daripada Pelan Strategik Sumber Manusia	1. Pengurusan Sumber Manusia lebih berkesan dan teratur 2. Sebarang masalah dan kelemahan yang	Setiap tahun

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
					melibatkan Sumber Manusia dapat ditangani	
3.	Peningkatan kompetensi warga jabatan	3.1 Menganjurkan program latihan secara <i>in house</i> bagi setiap gred dan jawatan di JAKESS yang mempunyai jumlah penjawat yang ramai	peratusan program latihan yang dianjurkan	80% daripada program latihan yang dirancang pada setiap tahun dilaksanakan	1. Meningkatkan kompetensi semua warga kerja 2. Kepuasan pelanggan meningkat terhadap perkhidmatan Jabatan	Setiap tahun
		3.2 Mengenal pasti dan mencalonkan kehadiran bagi program latihan luar	Bilangan program latihan yang disertai	20 program latihan	1. Meningkatkan kompetensi semua warga kerja 2. Kepuasan pelanggan meningkat terhadap perkhidmatan Jabatan	Setiap tahun

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
		3.3 Memastikan semua warga jabatan menghadiri program latihan yang relevan dengan bidang tugas dan keperluan	Bilangan program latihan dihadiri setiap warga jabatan	1 hari program latihan Pendidikan Islam 6 hari program latihan yang relevan dengan bidang tugas dan keperluan	1. Meningkatkan kompetensi semua warga kerja 2. Kepuasan pelanggan meningkat terhadap perkhidmatan Jabatan	Setiap tahun
		3.4 Memastikan semua Pegawai Sulh yang berkhidmat di JAKESS menghadiri dan berjaya dipersijilkan sebagai Mediator Antarabangsa oleh Accord Group atau mana-mana badan persijilan lain yang diiktiraf	Peratus Pegawai Sulh yang dipersijilkan	100% Pegawai Sulh yang dipersijilkan sebagai Mediator Bertauliah	1. Semua Pegawai Sulh menjadi mediator bertauliah yang layak beramal sebagai mediator di peringkat antarabangsa 2. Meningkatkan kompetensi semua Pegawai Sulh 3. Kepuasan pelanggan	2016-2020

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
					meningkat terhadap Majlis Sulh 4. Peningkatan penyelesaian kes melalui Majlis Sulh 5. Mengurangkan kes tertunggak	
4.	Meningkatkan tahap motivasi warga kerja agar sentiasa cemerlang dan produktif	4.1 Memberi penghargaan dengan mewujudkan anugerah tambahan bagi warga jabatan cemerlang yang tidak terpilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang	Bilangan Anugerah tambahan diwujudkan	12 Anugerah tambahan diwujudkan	Meningkatkan motivasi untuk pekerja	2015-2020
			Jumlah Penerima Anugerah	20 penerima Anugerah	Meningkatkan motivasi untuk pekerja	2015-2020
	4.2 Memberi penghargaan dengan	Bilangan warga jabatan yang dicalonkan	5 orang warga jabatan yang dicalonkan	Meningkatkan motivasi pekerja	Setiap tahun	

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
		mencalonkan warga jabatan yang layak untuk menerima pingat dan darjah kebesaran		diperingkat negeri dari kumpulan Pengurusan Tertinggi, Pengurusan dan Profesional, Kumpulan Sokongan I dan Kumpulan Sokongan II	Meningkatkan imej dan kredibiliti jawatan tertinggi	
				Seorang warga jabatan yang dicalonkan di peringkat negara atau negeri lain dari kumpulan Pengurusan Tertinggi, Pengurusan dan Profesional, Kumpulan Sokongan I dan Kumpulan Sokongan II	Meningkatkan motivasi pekerja Meningkatkan imej dan kredibiliti jawatan tertinggi	Setiap tahun
		4.3 Menganjurkan program-program yang menyemarakkan motivasi atau	Bilangan program	3 program setahun	Warga kerja menjadi lebih efisien dan produktif dalam	2015-2020

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
		semangat kerja berpasukan			melaksanakan tugas	
5.	Meningkatkan aspek penjagaan kebajikan warga jabatan dan jalinan kerjasama yang erat antara seluruh warga jabatan	5.1 Menyelesaikan isu relevan yang dibangkitkan dalam Mesyuarat Bersama Jabatan	Peratusan isu-isu yang diselesaikan	80%	1. Meningkatkan motivasi pekerja 2. Warga kerja menjadi lebih efisien dan produktif dalam melaksanakan tugas 3. Kebajikan warga kerja terjaga	Setiap tahun
			Bilangan program yang dianjurkan	Menganjurkan program Hari Keluarga 2 tahun sekali	Meningkatkan motivasi pekerja Warga kerja menjadi lebih efisien dan produktif dalam melaksanakan tugas	2018

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
			Bilangan program yang dianjurkan	Menganjurkan Sukan Jabatan 2 tahun sekali	1. Meningkatkan motivasi pekerja 2. Warga kerja menjadi lebih efisien dan produktif dalam melaksanakan tugas 3. Mengeratkan hubungan di antara warga Jabatan	2020
			Menyertai sukan yang dianjurkan diperingkat agensi dan persekutuan	Menyertai sukan dua tahun sekali	Mengeratkan hubungan di antara warga Jabatan dan agensi-agensi luar	2020
			Bilangan program yang dianjurkan	Menganjurkan 4 program perhimpunan Jabatan	1. Mengeratkan hubungan di antara warga Jabatan	Setiap tahun

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
				Menganjurkan 1 program Ihya' Ramadhan, Majlis Berbuka Puasa dan Majlis Sambutan Hari Raya	2. Warga kerja memahami semua dasar dan arahan Jabatan	
		5.2 Memantapkan kesihatan pekerja dengan menganjurkan program kesedaran kesihatan di peringkat dalaman	Jumlah program	Menganjurkan Program Kesedaran dan Saringan Kesihatan 1 kali setahun Mengeluarkan notis peringatan kepada semua pegawai yang telah mencapai umur 40 tahun untuk menjalani pemeriksaan kesihatan	1. Melahirkan warga kerja yang lebih sihat dan produktif 2. Pengurangan 1% pengambilan cuti sakit	Setiap tahun
6.	Penyediaan kemudahan, prasarana dan ruang kerja yang kondusif dan selamat	6.1 Memperbaiki semua aduan kerosakan yang bukan di bawah tanggungjawab pemaju	Peratus pembaikan kerosakan yang diadu	30% kerosakan yang diadu diperbaiki	Warga Jabatan dan pelanggan berada di dalam keadaan selesa semasa berada di bangunan JAKESS	2015

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
		6.2 Mencari jalan penyelesaian bagi memperbaiki keseluruhan kerosakan bangunan baru yang berada di bawah tanggungjawab pemaju		60% kerosakan yang diadu diperbaiki	Warga Jabatan dan pelanggan berada di dalam keadaan selesa semasa berada di bangunan JAKESS	2016
				80% kerosakan yang diadu diperbaiki	Warga Jabatan dan pelanggan berada di dalam keadaan selesa dan selamat semasa berada di bangunan JAKESS	2017
				95% kerosakan di bawah tanggungjawab pemaju yang diadu diperbaiki 100% kerosakan yang bukan di bawah tanggungjawab pemaju yang diadu diperbaiki	Warga Jabatan dan pelanggan berada di dalam keadaan selesa dan selamat semasa berada di bangunan JAKESS	2018

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
		6.3 Mendapatkan peruntukkan yang mencukupi bagi penyelenggaraan	Peratus peningkatan peruntukan belanja mengurus bagi kos penyelenggaraan	10% peningkatan peruntukan belanja mengurus bagi kos penyelenggaraan	Warga Jabatan dan pelanggan berada di dalam keadaan selesa dan selamat semasa berada di bangunan JAKESS	2016-2018
		6.4 Membuat penyelenggaraan berkala bagi keseluruhan peralatan dan kemudahan yang terdapat dalam bangunan	% pencapaian penyelenggaraan daripada yang perlu dilaksanakan	Sekurang-kurangnya jabatan telah melaksanakan sebanyak 100% kerja-kerja penyelenggaraan bagi setiap peralatan dan kemudahan yang perlu diselenggara	Warga Jabatan dan pelanggan berada di dalam keadaan selesa dan selamat semasa berada di bangunan JAKESS	Setiap tahun
			% bilangan kekerapan penyelenggaraan daripada yang ditetapkan	Sekurang-kurangnya jabatan telah melaksanakan sebanyak 75% kerja-kerja penyelenggaraan bagi setiap peralatan	Warga Jabatan dan pelanggan berada di dalam keadaan selesa dan selamat semasa berada	2018

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
				dan kemudahan yang perlu diselenggara	di bangunan JAKESS	
		6.5 Menyediakan kertas cadangan untuk mendapatkan peruntukan	Bilangan kertas cadangan	Satu kertas cadangan disediakan	1. Latihan dapat dilaksanakan di Pusat Info 2. Penjimatan peruntukan bagi penganjuran program-program jabatan 3. Tiada program-program yang akan dibatalkan disebabkan oleh kekangan kewangan atau tempat pelaksanaan program.	2020

TERAS KEEMPAT: MENINGKATKAN IMEJ JABATAN DAN KEFAHAMAN MASYARAKAT TERHADAP PERUNDANGAN SYARIAH BAGI MENCAPAI MATLAMAT KEUNGGULAN ORGANISASI

Objektif strategik keempat mengandungi tiga (3) strategi iaitu “Melaksanakan Program/Usaha Promosi Jabatan dan Memperkukuh Jaringan Penyampaian Maklumat.”.

Imej sesuatu organisasi amat penting dalam meyakinkan pelanggan kepada sistem penyampaian perkhidmatan yang dilaksanakan. Justeru, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor akan giat melaksanakan usaha bagi mempertingkatkan imej korporatnya melalui peningkatan kecekapan barisan hadapan. Program turun padang akan diadakan dengan lebih kerap agar masyarakat lebih memahami fungsi dan peranan yang dimainkan oleh jabatan dalam melaksanakan fungsinya. Maklumat-maklumat di dalam laman web akan sentiasa dipantau dan dikemas kini agar ia dapat memberi maklumat dan info yang berguna kepada masyarakat. Media-media akan dimanfaatkan secara strategik supaya ia akan dapat menjadi medium yang berkesan untuk menyalurkan maklumat kepada masyarakat serta dijadikan sebagai saluran dakwah yang menarik. Jabatan Kehakiman Syariah Selangor juga akan mempelbagaikan penerbitan dan bahan-bahan ilmiah untuk dijadikan sebagai bahan bacaan dan sumber maklumat. Dengan cara itu, imej jabatan akan dapat dipertingkatkan ke arah yang lebih positif.

Bagi melahirkan masyarakat yang lebih celik undang-undang dan memahami hak masing-masing, program-program yang bersifat untuk meningkatkan pengetahuan masyarakat dalam undang-undang Syariah juga penting kerana masyarakat yang memahami undang-undang bukan saja akan memelihara hak masing-masing, malah ia lebih memudahkan mereka dalam berurusan dengan jabatan tanpa perlu bergantung kepada mahkamah atau peguam dalam membantu mereka untuk mendapatkan hak masing-masing di mahkamah.

STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
1.	Melaksanakan program/usaha promosi Jabatan	1.1 Mengadakan program turun padang	Bilangan program	5 kali setahun	Pelanggan memperoleh maklumat yang tepat berkaitan dengan peranan Jabatan dalam perkhidmatan yang diberikan	Bermula 2015
		1.2 Menyediakan barangan cenderahati korporat jabatan yang mempunyai logo jabatan	Bilangan jenis cenderahati korporat disediakan	1 jenis cenderahati korporat disediakan		Bermula 2015
		1.3 Menjalinkan hubungan dan kerjasama yang erat dengan pihak media	Jumlah penglibatan media bersama jabatan	4 kali setahun	1. Membantu menyebarkan fungsi dan perkhidmatan mahkamah 1. Menaikkan imej Jabatan	Bermula 2015

KOD	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	OUTPUT	OUTCOME	TAHUN SASARAN
2.	Memperkuh jaringan penyampaian maklumat	2.1 Memaksimumkan penggunaan laman web bagi kemudahan dan rujukan pelanggan	Bilangan pengunjung (<i>histats</i>)	Peningkatan jumlah pengunjung sebanyak 10% setiap tahun	Membantu menyebarkan fungsi dan perkhidmatan mahkamah	2015-2020
		2.2 Menerbitkan bahan-bahan rujukan	Bilangan penerbitan yang dicetak dan dipaparkan dalam laman web	2 penerbitan	1. Membantu menyebarkan fungsi dan perkhidmatan mahkamah 2. Menaikkan imej Jabatan	2015-2020
3.	Mendidik dan menyebarkan pengetahuan tentang perundangan Syariah kepada masyarakat	Menganjurkan, bekerjasama menganjurkan atau terlibat dengan program atau slot literasi undang-undang dengan jabatan kerajaan/NGO.	Bilangan penganjuran, kerjasama /penglibatan program literasi undang-undang.	12 kali setahun	Pelanggan memperoleh maklumat yang tepat berkaitan dengan peranan Jabatan dalam perkhidmatan yang diberikan	Bermula 2015

Mekanisme Pelaksanaan

Bagi memastikan setiap seksyen/ bahagian/ unit di JAKESS memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam tempoh lima (5) tahun ini, penilaian pencapaian Pelan Startegik ini akan dijalankan dua (2) kali pada setiap tahun untuk menentukan keberkesanan pelan tindakan yang ditetapkan berdasarkan objektif, program dan sasaran prestasi yang ditetapkan. Manakala kajian semula Pelan Strategik dan kajian keberkesanan akan dibuat satu (1) kali pada setiap tahun. Kajian tersebut diringkaskan dalam jadual berikut:

BIL	PERKARA	TARIKH CADANGAN
1.	Penilaian Pencapaian	Dua (2) kali dalam setahun
2.	Penilaian Keberkesanan dan Kajian Semula Pelan Strategik	Satu (1) kali dalam setahun

Pelan Strategik Jabatan Kehakiman Syariah Selangor V.6 ini berdasarkan pada semakan semula dan kajian semula bertarikh 26 & 27 November 2019.